

26/10/2003

Bush pembohong besar (HL)

Misiah Taib; Ridzuan Yop

KUALA LUMUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush sebagai pembohong besar apabila berkata beliau mencelanya ketika berbual-bual pada sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi

Pasifik (Apec) di Bangkok, Selasa lalu.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak terkejut jika tuduhan itu dilakukan kerana pembohongan besar seperti itu juga dibuatnya berhubung dakwaan wujud senjata pemusnah besar-besaran di Iraq bagi membolehkan AS menyerang negara berkenaan.

"Ia adalah satu pembohongan besar, jika Presiden Amerika itu berkata beliau mencela saya, saya juga akan mencela beliau (Bush).

"Saya rasa beliau mahu menyokong kenyataan pegawainya (jurucakap White House)," katanya pada sidang media setibanya di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), dekat sini, petang semalam.

Turut menyambut kepulangan beliau, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir berkata, berdasarkan apa yang beliau ingat, Bush menariknya ke tepi bagi menjelaskan sebab beliau (Bush) membuat kenyataan keras terhadapnya dalam perbualan itu.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Bush ketika melawat Indonesia Rabu lalu, yang antara lain memetik Bush sebagai berkata beliau mengaku mencela Dr Mahathir semasa pertemuan pada mesyuarat Apec.

Sebelum ini, ketika di Bangkok, Perdana Menteri menafikan laporan kononnya beliau dicela Bush ketika pemimpin AS itu berbual dengannya pada sidang kemuncak Apec itu.

Perdana Menteri menjelaskan beliau dan Bush berjalan seperti berpegangan tangan selepas perbualan mereka yang didakwa kononnya mengandungi kecaman berkenaan.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu bagaimana sesetengah pihak membuat kesimpulan berkenaan kerana yang jelas tiada siapa mendengar apa yang Bush perkatakan kepadanya ketika itu.

"Saya ingin menjelaskan bahawa memang Bush ada memanggil saya ke tepi untuk menjelaskan kenapa beliau membuat kenyataan keras terhadap diri saya. Dan saya beritahu beliau bahawa saya memahaminya. Itu saja dan tiada lebih daripada itu," katanya.

Bagaimanapun, Jurucakap AS, Scott McClellan menyatakan Bush menarik Dr Mahathir ke tepi dan memberitahunya bahawa apa yang dikatakan Perdana Menteri mengenai Yahudi pada Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya minggu lalu adalah salah.

Dr Mahathir berkata, Bush tentu akan menyokong kenyataan daripada

pegawainya berhubung perkara itu.

Ketika ditanya mengenai lawatannya lawatan kerja ke beberapa negara seperti Jogjakarta, Indonesia; Dili, Timor Leste dan Papua New Guinea, beliau berkata, lawatan itu berjaya kerana dapat memberi pandangan secara

bersemuka dengan pemimpin negara terbabit.

Beliau berkata, Thailand juga menjadi tuan rumah yang baik dan beliau berpeluang mengadakan dialog dengan peserta ketika sidang berlangsung dalam menjelaskan pelbagai isu semasa.

"Yang penting saya boleh beri pandangan saya ketika mesyuarat Apec berlangsung terutama berkaitan penstrukturan semula rejim kewangan antarabangsa serta mata wang," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam lawatannya kebanyakan negara mahu mempelajari

banyak perkara berhubung kejayaan Malaysia seperti bagaimana kita membantu

Bumiputera di negara ini.